

TARIKH : 26/1/2023

SURAT KHABAR : UTUSAN

MUKA SURAT : 12

Utusan Malaysia Dalam Negeri 26/1/23 MS/12

## Pemilik syarikat didakwa tipu insentif penjana kerjaya

**JOHOR BAHRU:** Seorang pemilik syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen disini semalam atas dua pertuduhan membuat tuntutan palsu Program Penjana Kerjaya 2.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) lebih RM250,000, dua tahun lalu.

Tertuduh, R. Stephen, 45, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim V. M. Mabelsheela.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa memberikan dokumen borang pengesahan pekerja program insentif pengambilan pekerja atas nama syarikat miliknya di bahagian perkhidmatan, Perkeso Johor Bahru pada 3 dan 6 Mei 2021.

Dokumen itu dihantar bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana Kerjaya 2.0 Perkeso berjumlah RM143,122 kepada ejen pertubuhan tersebut.

Tertuduh cuba memperdayakan prinsipal dua Pegawai Perkhidmatan Perkeso Johor untuk mempercayai dokumen tersebut.

Dokumen itu mengandungi pernyataan palsu nama pekerja baru sedangkan 12 penama dalam permohonan insentif pengambilan pekerja dalam dokumen tersebut bukan pekerja baru syarikat milik tertuduh.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh memberikan borang pengesahan pekerja program insentif pengambilan pekerja atas nama syarikat miliknya untuk membuat tuntutan palsu RM109,864 bagi insentif itu pada 7 Jun 2021.

Lelaki itu dituduh memper-



R. STEPHEN menghadapi tuduhan membuat tuntutan palsu Program Penjana Kerjaya 2.0 Perkeso di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

dayakan dua pegawai perkhidmatan pekerjaan Perkeso Johor untuk mempercayai dokumen mengandungi pernyataan yang palsu sedangkan 13 nama dalam permohonan insentif pengambilan pekerja adalah bukan pekerja baru syarikat itu.

Kedua-dua pertuduhan tersebut dibuat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah tuntutan palsu atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPM, Zander Lim Wai Keong manakala tertuduh diwakili peguam, Amarpreet Singh Rajwinder Singh.